

MyGDI NEWSLETTER

1. **Komitmen PGN**
2. **Pemeriksaan PGN**
3. **Libat Urus PGN**
4. **Penglibatan Strategik PGN**

Halaman 1-3
Halaman 4-10
Halaman 10-11
Halaman 11-12

1 **Komitmen PGN:** Memperkukuh Khidmat Runding Geospacial bersama Agensi



DBP | 10 September | PUTRAJAYA

Pusat Geospacial Negara (PGN) berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam satu sesi mesyuarat yang membincangkan potensi kerjasama strategik antara kedua-dua pihak. Kerjasama ini dijangka membuka peluang kepada transformasi digital DBP, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, khususnya dalam menggabungkan kepakaran linguistik dan teknologi geospacial.



SESI LATIHAN PENGGUNAAN APLIKASI MYGEORESEARCH | 25 September | PUTRAJAYA

Sesi latihan penggunaan MyGeoResearch telah diadakan melibatkan peserta daripada Agensi-agensi Kerajaan dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) merangkumi slot demonstrasi dan hands-on modul-modul MyGeoResearch bagi mengemaskini butiran maklumat projek-projek R&D masing-masing.

MyGDI NEWSLETTER



BPSP | 21-22 Oktober | PUTRAJAYA

Bengkel latihan pengguna dan Transfer of Technology (TOT) aplikasi gis infrastruktur pengairan dan saliran pertanian Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian (BPSP), kementerian pertanian dan keterjaminan makanan (KPKM) bagi membolehkan penambahbaikan aplikasi dilaksanakan secara berterusan oleh BPSP. Aplikasi GIS Infrastruktur Pengairan dan Saliran Pertanian telah dibangunkan di bawah platform Malaysia Geospatial Online Services (MyGOS). Platform MyGOS yang telah diperkenalkan sejak tahun 2013 telah berjaya membantu agensi berkolaborasi bagi meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan mereka.



TAKLIMAT PIAWAIAN METADATA MALAYSIA (MS1759) KATEGORI VEGETATION DAN SIMBOLOGI BERSAMA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (JPSM) | 22 Oktober | PUTRAJAYA

Satu taklimat berkaitan korelasi kod fitur dan atribut (MS1759:2015) dan metadata geospasial (MS2647:2023) serta simbologi yang boleh digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah disampaikan oleh LSr Zaahira binti Ismail dari Cawangan Pembangunan Standard, Polisi dan Outreach, Pusat Geospasial Negara (PGN).

MyGDI NEWSLETTER




JWN | 5-7 November | PUTRAJAYA

Bengkel Transfer of Technology (TOT) siri II Pusat Geospasial Negara (PGN) berkolaborasi bersama-sama pihak Jabatan Warisan Negara (JWN) untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran, serta membolehkan penambahbaikan Aplikasi Daftar Warisan dilaksanakan secara berterusan oleh JWN. Bengkel ini telah disempurnakan oleh Tuan Ruzairy bin Arbi, Pengarah Bahagian Daftar Warisan, JWN dan disertai oleh pegawai-pegawai yang mewakili semua bahagian di JWN.

LATIHAN APLIKASI MyGDI EXPLORER BAGI PENGISIAN DAN PENERBITAN METADATA BAGI KATEGORI HYPSOGRAPHY | 06 November | PUTRAJAYA

Satu latihan aplikasi MyGDI Explorer bagi pengisian dan penerbitan metadata telah diadakan bersama Agensi Pembekal Data (APD) di bawah kategori Hypsography. Sesi taklimat latihan ini telah disampaikan oleh LSr Zaahira binti Ismail dari Cawangan Pembangunan Standard, Polisi dan Outreach (CPPSO), Pusat Geospasial Negara (PGN).



UTM | 09 Disember | PUTRAJAYA

Kelab Geoinformatik UTM kerana memilih Pusat Geospasial Negara (PGN) sebagai destinasi lawatan industri bagi program GEOCONNECT'25 yang diketuai oleh Ts. Gs. Dr. Mohammad Zakri bin Tarmidi. Lawatan ini bertujuan memberi pendedahan kepada teknologi aplikasi geospasial serta operasi sebenar bidang geoinformatik dalam sektor awam.

MyGDI NEWSLETTER

2

Pemeriksaan PGN:
Memantapkan Peranan sebagai
Penyelaras MyGDI



MESYUARAT KUMPULAN KERJA STANDARDISASI KOD DAN WARNA SIMBOL (KWS) BILANGAN 2 TAHUN 2025 KATEGORI AERONAUTICAL | 04 September | PUTRAJAYA

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Sr Mohamad Ridzuan bin Hj. Awang Noh, Timbalan Pengarah Cawangan Pembangunan Polisi, Standard dan Outreach, Pusat Geospasial Negara dengan tujuan untuk mendapatkan persetujuan daripada agensi berkaitan kod dan warna simbol bagi fitur Aeronautical yang lazim digunakan dalam carta aeronautik, carta aerodrom atau paparan sistem GIS.



SESI PERKONGSIAN : TATAKELAKUAN DAN PENGURUSAN TATATERTIB PENJAWAT AWAM DI PUSAT GEOSPATIAL NEGARA 09 September | PUTRAJAYA | 09 September | PUTRAJAYA

Sesi penerangan mengenai tatakelakuan dan prosedur pengurusan kes tatatertib penjawat awam yang disampaikan oleh Puan Aireen Binti Ahmad Shahuddin daripada Bahagian Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.



MESYUARAT AGENSI TUNJAK & CUSTODIAN DATA GEOSPATIAL BAGI KATEGORI BUILT ENVIRONMENT, SPECIAL USE, HYPSOGRAPHY & GENERAL | 10 September | PUTRAJAYA

Pusat Geospasial Negara (PGN), selaku urus setia Mesyuarat ini mengadakan mesyuarat bagi mengenal pasti isu-isu yang timbul dalam pembangunan dan perkongsian data yang berkaitan Built Environment, Special Use, Hypsography & General.

MyGDI NEWSLETTER

MESYUARAT AGENSI TUNJAK & CUSTODIAN DATA GEOSPATIAL BAGI KATEGORI SOIL & VEGETATION | 22 September | PUTRAJAYA

Pusat Geospasial Negara (PGN), selaku urus setia mesyuarat dan Encik Noranizam bin Mohd Sahil, Timbalan Pengarah, Bahagian Pengurusan Sumber Tanah, Jabatan Pertanian selaku pengerusi bagi agensi tunjak dan custodian data geospasial bagi kategori Soil dan Vegetation telah mengadakan mesyuarat ini bagi tujuan penyelarasan dan pengemaskinian serta mengenal pasti isu-isu yang timbul dalam pembangunan dan perkongsian data geospasial kategori Soil dan Vegetation di kalangan agensi-agensi kerajaan.



MESYUARAT AGENSI TUNJAK & CUSTODIAN DATA GEOSPATIAL BAGI KATEGORI HYDROGRAPHY KALI KE-14 | 25 September | PUTRAJAYA

Mesyuarat telah dihadiri oleh custodian data Hydrography yang terdiri daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), Jabatan laut Malaysia (JLM), JUPEM dan lain-lain agensi terlibat dalam penyelarasan dan pengemaskinian serta mengenal pasti isu-isu yang perlu diselaraskan dalam pembangunan serta perkongsian data geospasial kategori Hydrography dalam kalangan Agensi Kerajaan



MESYUARAT AGENSI TUNJAK & CUSTODIAN DATA GEOSPATIAL BAGI KATEGORI UTILITY KALI KE-14 | 30 September | PUTRAJAYA

Mesyuarat ini bagi tujuan penyelarasan, pengemaskinian dan mengenal pasti isu-isu yang timbul dan yang perlu diselaraskan dalam pembangunan serta perkongsian data geospasial di kalangan agensi-agensi kerajaan khususnya bagi data kategori Utility. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh custodian data Utility seperti Bahagian Pemetaan Utiliti JUPEM, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan lain-lain agensi.

MyGDI NEWSLETTER

MESYUARAT AGENSI TUNJAK & CUSTODIAN DATA GEOSPATIAL BAGI KATEGORI GEOLOGY KALI KE-14 | 22 Oktober | PUTRAJAYA

Mesyuarat dipengerusikan oleh Dr. Haji Mohamad bin Abd Manap daripada Ibu Pejabat Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) bagi tujuan penyelarasan, pengemaskinian dan mengenal pasti isu-isu yang timbul dalam pembangunan dan perkongsian data geospasial di kalangan agensi-agensi kerajaan khususnya bagi data kategori Geology dikalangan agensi-agensi kerajaan.



LAWATAN KERJA UNIT PANGKALAN DATA UTAMA (PADU), KEMENTERIAN EKONOMI KE PUSAT GEOSPATIAL NEGARA (PGN) | 23 Oktober | PUTRAJAYA

Pusat Geospasial Negara (PGN) telah menerima kunjungan daripada delegasi Unit Pangkalan Data Utama (PADU), Kementerian Ekonomi yang diketuai oleh Puan Masitah binti Abd Kadir. Pertemuan ini diadakan bagi membincangkan potensi kerjasama dalam perkongsian dan integrasi data geospasial.



MESYUARAT AGENSI TUNJAK & CUSTODIAN DATA GEOSPATIAL BAGI KATEGORI AERONAUTICAL KALI KE-09 | 05 November | PUTRAJAYA

Pusat Geospasial Negara (PGN) selaku urus setia mesyuarat dan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) selaku pengerusi telah mengadakan mesyuarat penyelarasan untuk mengemaskini serta mengenal pasti isu pembangunan dan perkongsian data geospasial kategori Aeronautica.

MyGDI NEWSLETTER

MESYUARAT AGENSI TUNJAK & CUSTODIAN DATA GEOSPATIAL BAGI KATEGORI TRANSPORTATION KALI KE-14 | 14 November | PUTRAJAYA

Pusat Geospasial Negara (PGN) selaku urus setia mesyuarat dan Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku pengerusi bagi agensi tunjak dan custodian data geospasial bagi kategori Transportation telah mengadakan mesyuarat ini bagi tujuan penyelarasan, pengemaskinian dan mengenal pasti isu-isu yang timbul dalam pembangunan dan perkongsian data geospasial di kalangan agensi-agensi kerajaan khususnya bagi data kategori Transportation



MESYUARAT AGENSI TUNJAK & CUSTODIAN DATA GEOSPATIAL BAGI KATEGORI DEMARCATION KALI KE-13 | 17 November | PUTRAJAYA

LSr Nazri bin Othman, Pengarah Ukur Bahagian Kadaster, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) mempengerusikan mesyuarat penyelarasan, pengemaskinian dan mengenal pasti isu-isu yang timbul dalam pembangunan dan perkongsian data geospasial bagi kategori Demarcation. Turut hadir bersama adalah agensi sokongan seperti Bahagian Geospasial Pertahanan JUPEM dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).



MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL STANDARD MyGDI (JTSM) TAHUN 2025 | 19 November | PUTRAJAYA

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Ts. Rusliza Hanim binti Maarif, Pengarah Pusat Geospasial Negara (PGN) bertujuan meneliti, membincangkan dan melaporkan pelaksanaan aktiviti standardisasi maklumat geospasial oleh agensi-agensi Persekutuan dan Negeri.

MyGDI NEWSLETTER



MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL FRAME WORK MyGDI (JTfM) TAHUN 2025 | 20 November | PUTRAJAYA

Mesyuarat dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia JUPEM, YBrs. LSr Dr. Ahmad Sanusi bin Che Cob bagi membincangkan dasar pembangunan dan perkongsian data melalui Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) serta melaporkan aktiviti tahun 2025 dan perancangan tahun 2026.



MASYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL CLEARING HOUSE MyGDI | 20 November | PUTRAJAYA

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ts. Rusliza Hanim binti Maarif, Pengarah Pusat Geospasial Negara (PGN) dan dihadiri oleh wakil PGN, wakil Negeri serta agensi kolaborasi Program MyGDI. Mesyuarat tahunan ini diadakan bagi membincangkan perkembangan semasa serta pelaksanaan MyGDI di seluruh negara. Mesyuarat turut menampilkan 10 negeri yang berkongsi kemajuan pelaksanaan MyGDI masing-masing iaitu Kelantan, Johor, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor, Pahang, Perak, Kedah, Negeri Sembilan dan Sabah.

MyGDI NEWSLETTER



LATIHAN TRANSFER OF KNOWLEDGE (TOK) APLIKASI DALAMAN DI PUSAT GEOSPATIAL NEGARA (PGN) | 21 November | PUTRAJAYA

Sesi Perkongsian Transfer of Knowledge (TOK) Aplikasi Dalaman di Pusat Geospasial Negara (PGN) memberikan pendedahan asas yang jelas berkaitan aplikasi dan platform PGN serta meningkatkan kefahaman pegawai terhadap sistem dalaman yang digunakan di PGN.



BENGKEL PENYEDIAAN SPESIFIKASI KEPERLUAN BISNES (BRS) BAGI NAIK TARAF SPP 2.0 | 5,10,17 DAN 24 November | PUTRAJAYA

Bengkel naik taraf SPP-PG 2.0 bertujuan memastikan aplikasi baharu kelak dapat memenuhi keperluan pengguna dengan lebih efektif. Penganjuran bengkel ini sekali lagi membuktikan komitmen PGN dalam memperkukuh pengurusan perkhidmatan geospasial negara.



LATIHAN ArcGIS SPATIAL MODELLING | 09-10 Disember | PUTRAJAYA

Pusat Geospasial Negara (PGN) dengan kerjasama Esri Malaysia telah menganjurkan Latihan Spatial Modeling di Alami Technologies Sdn. Bhd., Cyberjaya. Seramai 15 peserta terlibat, terdiri daripada pegawai PGN serta wakil Unit Aplikasi Teras Latihan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Latihan ini memberi fokus kepada pembangunan keupayaan pemodelan spatial.

MyGDI NEWSLETTER

BENGKEL PENGESAHAN DATA BAGI PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENGEMASKINIAN, VERIFIKASI DAN PEMBANGUNAN DATA GEOSPATIAL WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA | 15-18 Disember | PUTRAJAYA

Bengkel ini bertujuan bagi menjalankan kerja-kerja pengesahan dan semakan kualiti data geospasial POI bersama dengan agensi-agensi Kerajaan di Wilayah Persekutuan Putrajaya bagi menghasilkan data geospasial yang berkualiti, tepat, terkini dan diperakui oleh custodian data.



3 Libat Urus PGN: Menyampaikan Kepakaran melalui Jemputan Agensi



KURSUS SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS) DALAM KEJURUTERAAN JALAN ANJURAN JABATAN KERJAJAYA (JKR) MALAYSIA | 14-16 Oktober | MELAKA

Kursus ini berkaitan dengan pengenalan GIS, Desktop GIS, Aplikasi MyGeoTranslator, Sistem Koordinat di Malaysia serta pembangunan aplikasi GIS melalui platform Malaysia Geospasial Online Services (MyGOS) oleh Pusat Geospasial Negara (PGN)



KUNJUNGAN HORMAT KE KANZU RESEARCH LAB, UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM) | 11 November | PUTRAJAYA

Delegasi dari Pusat Geospasial Negara (PGN) telah mengadakan kunjungan hormat ke KANZU Research Lab, UTHM sebagai usaha memperkukuh jaringan kerjasama strategik dalam bidang geospasial dan inovasi. Kunjungan tersebut disambut oleh PM Sr. Dr. Noralfishah serta pasukan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) KANZU Research Lab.

MyGDI NEWSLETTER



NATIONAL GOVERNMENT BOOT CAMP 2025 | 11 November | PUTRAJAYA

Government Bootcamp 2025, sebuah inisiatif anjuran Esri Malaysia Sdn. Bhd. bersama pemain industri lain. Pengarah PGN juga telah dijemput sebagai ahli panel dalam sesi forum industri bertajuk "Ke Arah GIS Tanpa Sempadan", yang membincangkan inovasi serta hala tuju masa depan GIS di Malaysia. Usaha ini diharapkan dapat memperkukuh kerjasama rentas sektor dalam mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan yang lebih cekap serta cemerlang.



4 Penglibatan Strategik PGN: Menyokong Pembangunan Industri Geospasial

SIMPOSIUM MAKLUMAT GEOSPATIAL KEBANGSAAN (NGIS) KE-10 DAN ANUGERAH GEOSPATIAL KEBANGSAAN (NGA) | 07-08 Oktober | PUTRAJAYA

Majlis Perasmian NGIS Ke-10 disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, Menteri Perlindungan dan Komoditi, yang memangku jawatan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam. Simposium ini menandakan komitmen berterusan kerajaan dalam memperkukuh ekosistem geospasial negara ke arah pengurusan sumber asli yang mampan serta pembangunan berasaskan data dan teknologi geospasial.

MESYUARAT SEMPENA KUNJUNGAN HORMAT UTMSPACE KE PUSAT GEOSPATIAL NEGARA (PGN) | 13 November | PUTRAJAYA

Pusat Geospasial Negara (PGN) menerima kunjungan hormat daripada delegasi UTMSPACE yang diketuai oleh Puan Siti Khatijah binti Hamzah, Pengurus Besar Bahagian Pemasaran dan Perhubungan Pelanggan bagi menjalinkan hubungan kerjasama strategik antara UTMSPACE dan Pusat Geospasial Negara (PGN).



MyGDI NEWSLETTER



LAWATAN TEKNIKAL KE PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN. BHD | 13 November | PUTRAJAYA

Pusat Geospasial Negara (PGN) telah mengadakan lawatan ke Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd sebagai satu inisiatif strategik melihat persekitaran geospasial dan amalan terbaik pengurusan operasi serta penggunaan data geospasial di sektor industri. Sesi taklimat teknikal telah disampaikan oleh Ketua Seksyen Geomatik, Gs. Yuzairi Mohd Yusoff.



KUNJUNGAN ESRI MALAYSIA SEMPENA PENILAIAN PERTANDINGAN GEOINNOVATION WARDS | 20 November | PUTRAJAYA

Pusat Geospasial Negara (PGN), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam menerima kunjungan daripada pihak Esri Malaysia untuk penilaian penyertaan PGN dalam pertandingan Geoinnovation Awards. PGN telah mengetengahkan tajuk Platform MyGOS: *Driving National Integration for Geospatial Innovation Towards Sustainable Development in Malaysia* yang telah dibentangkan oleh Dr. Azira binti Ibrahim, Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Aplikasi GIS, Cawangan Aplikasi Geospasial, PGN dengan sokongan Pasukan Projek Platform MyGOS PGN.



JEMPUTAN SEBAGAI PEMPAMER SEMPENA KARNIVAL ALAM SEKITAR PERINGKAT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS 2025 |

12 Disember | PERAK

Karnival Alam Sekitar 2025 telah berlangsung dengan jayanya di Perkarangan Food Truck, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Pusat Geospasial Negara (PGN), NRES berbesar hati menyertai pameran sempena karnival ini sebagai pempamer bagi mengisi program yang dijalankan. Terima kasih kepada pihak penganjur atas jemputan dan kerjasama yang diberikan.